

Media: Sinar Harian Online

Date: 30 Aug 2021

Ajinomoto tawar wang tunai RM11,000

NORSHAHZURA MAT ZUKI | 30 Ogos 2021



SHAH ALAM - Ajinomoto Malaysia Berhad (AMB) menawarkan hadiah wang tunai bernilai RM11,000 menerusi 'Low Sodium Recipe Challenge' sempena Kempen Kurang Garam, Umami je.

AMB berkata, hadiah wang tunai itu menanti pemenang melalui program terbabit yang boleh disertai bermula 25 Julai lalu hingga 12 September 2021.

"Kempen itu bertujuan untuk menggalakkan masyarakat umum mengurangkan pengambilan garam dalam masakan sehari-hari mereka bagi meningkatkan kesihatan dan kesejahteraan.

"Pelbagai aktiviti menarik telah diatur bermula 25 Julai lalu hingga 30 September 2021," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

AMB berkata, orang ramai boleh menunjukkan kreativiti dalam menyediakan resipi yang sedap serta rendah garam dengan menggunakan penambah perisa Umami AJI-NO-MOTO.

"Mereka hanya perlu mengambil gambar hidangan masing-masing, muat naik resipi hidangan tersebut dan nyatakan jumlah garam serta penambah perisa Umami AJI-NO-MOTO yang digunakan. Kemudian, tag di Facebook atau Instagram Hi Ajinomoto MY.

"Kami juga telah mengatur sesi 'Zoom Cooking Class' untuk meningkatkan kesedaran mengenai pengambilan rendah garam dalam kalangan masyarakat umum yang berlangsung sejak 21 Ogos hingga 4 September 2021," katanya.

Menurut AMB, antara pakar kulinari yang akan tampil pada sesi kelas masakan itu ialah Chef Lin, Chef Man dan Chef Azreen yang akan berkongsi resipi rendah garam yang menarik dan lazat.